

Sarawak, Kedah dan Kelantan antara negeri paling tinggi penagih remaja

KOSMO 29/12/2018 M/S 03

1,709 pelajar positif hisap dadah

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KAJANG - Seramai 1,709 pelajar sekolah menengah di 178 kawasan berisiko tinggi di seluruh negara didapati positif dadah kebanyakannya jenis methamphetamine atau syabu.

Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Datuk Seri Zulkifli Abdullah yang mendedahkan perkara itu berkata, jumlah setakat Oktober lalu tersebut diperoleh selepas pihaknya membuat ujian saringan terhadap 41,741 pelajar di kawasan berkenaan.

Menurutnya, 178 kawasan berisiko tinggi itu antaranya ialah di Alor Setar, Kuala Ketil, Pengand dan Jitra di Kedah; Pasir Mas dan Rantau Panjang di Kelantan serta Bandar Kuching, Sibul dan Samarahan di Sarawak.

“Rata-rata mereka yang diisahkan positif dadah itu berusia antara 13 hingga 17 tahun.

“Sarawak merupakan negeri paling tinggi yang merekodkan penyalahgunaan dadah dalam



ZULKIFLI (kiri) melihat peta lokasi kawasan berisiko tinggi kegiatan dadah selepas merasmikan pusat gerakan Hotline AADK di Kajang semalam.

kalangan pelajar dan diikuti Kedah serta Kelantan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pusat gerakan Hotline AADK di Ibu Pejabat AADK, Jalan Maktab di sini semalam.

Hotline AADK di talian **03-8911 2233** atau **019-6262 233** itu beroperasi 24 jam dan ia merupakan satu medium awal bagi

orang awam melaporkan sebarang kes berkaitan penyalahgunaan dadah.

Dalam pada itu, Zulkifli memberitahu, pengedaran dan penjualan dadah methamphetamine tiruan serta dadah sintetik telah menyebabkan negara berdepan risiko lambakan pesakit mental.

Ujarnya, seramai 131 individu kini menerima rawatan pemulih-



PELAJAR yang sering ponteng sekolah mudah terjebak dalam penyalahgunaan dadah. - Gambar hiasan

han dadah dan sakit mental di Pusat Penyembuhan, Rawatan dan Pemulihan (CCRC) Tampoi, Johor akibat pengambilan syabu tiruan secara berterusan.

“Kedudukan CCRC Tampoi berdekatan dengan Hospital Permai yang mempunyai kepakaran dalam bidang psikiatri menyebabkan kami menempatkan penagih yang mempunyai

INFO Methamphetamine

- Dikenali juga sebagai syabu
- Dihasilkan daripada dadah induk amphetamine yang dahulunya untuk melegakan pernafasan
- Memberi tenaga dan keseronokan dalam jangka pendek
- Penggunaan berterusan menyebabkan penagih cepat marah, kebingungan dan bersifat ganas
- Dos yang tinggi akan meningkatkan suhu badan serta mengakibatkan sawan dan boleh membawa maut

masalah mental di sana,” ujarnya.

Zulkifli berkata, methamphetamine adalah dadah paling popular dalam kalangan penagih berikutan ia mudah diperolehi serta harganya murah.

“Selain dadah tiruan, masalah mental dalam kalangan penagih dadah di Malaysia juga berpunca dari penyalahgunaan dadah jenis sintetik dalam kuantiti banyak secara berterusan,” ujarnya.